

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HMT 222 – Sintaksis Bahasa Malaysia

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **ENAM [6]** soalan di dalam **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab soalan 1 **[WAJIB]** dan mana-mana **TIGA [3]** soalan yang lain.

1. Berikan derivasi ayat-ayat berikut dengan “ceritanya sekali” bagi SD, SP (struktur perantaraan), SL dan kekangan-kekangan yang berkaitan:
 - [a] Pelajar itu murid sekolah.
 - [b] Bapanya telah ke kedai.
 - [c] Kini Amin masih di rumah.
 - [d] Kelapa muda monyet itu sangat suka.
 - [e] Pagi tadi dalam kolam itu ada dua ekor katak.
 - [f] Apa burung dalam sangkar itu tengah makan?
 - [g] Tidak pernahkah kambing itu menyusui anaknya?
 - [h] Lebai itu sering sujud menyembah Tuhan.
 - [i] Kelmarinkah pelajar itu menyatakan bahawa ibunya sakit?
 - [j] Sudah memang ternyata, giginya patah lagi.

[40 markah]

2. [a] Daripada contoh-contoh bahasa yang kamu tahu (terutama bahasa Inggeris) tunjukkan apakah kamu fahami dengan kasus nominatif, akusatif dan genitif?
- [b] Melalui contoh-contoh yang sesuai tunjukkan di manakah kasus-kasus dalam [a] relevan dalam kajian sintaksis bahasa Melayu?
- [c] Terangkan “Kekangan N di SL” dalam derivasi ayat-ayat. [20 markah]
3. [a] Beri definisi ayat pasif yang fungsional.
- [b] Berdasarkan definisi anda itu, **senaraikan** ayat-ayat pasif daripada contoh-contoh ayat berikut:
- [i] Seekor ikan sedang dimakan kucing.
 - [ii] Janggutnya masih tidak bercukur juga.
 - [iii] Dua buah tingkap itu sentiasa terbuka.
 - [iv] Di padang kambing-kambing itu sedang kehujanan.
 - [v] Kerjanya sentiasa sahaja tidak terurus.
 - [vi] Amin terpijak kaca di padang.
 - [vii] Cawan itu masih belum berbasuh lagi.
 - [viii] Bola itu selalu tergantung di dalam dewan.
 - [ix] Di situ profesor sedang bercukur janggut.
 - [x] Sangat jelas barangan itu keluaran Malaysia.
 - [xi] Beberapa buah buku sastera Swahili pernah ku baca.
 - [xii] Tatabahasa ini terkarang pada tahun 1986.
 - [xiii] Setiap hari wanita itu sentiasa berhias rapi.
 - [xiv] Di pentas pelawak-pelawak itu juga sering tertawa-tawa.
 - [xv] Terkarang oleh Za’ba satu buku tatabahasa.
- [c] Daripada senarai yang anda sudah asingkan itu, berikan derivasi (yakni memberikan SD, T, SL dan kekanganya yang relevan) seperti berikut:
- [i] dua [2] ayat pasif, dan
 - [ii] dua [2] ayat bukan pasif.

[20 markah]

...3/-

4. Jawab soalan-soalan [a], [b] dan [c]:
- [a] Dengan contoh-contoh yang sesuai bezakan antara klausa relatif berkepala dengan klausa relatif tak berkepala.
 - [b] Dengan contoh-contoh anda itu, berikan derivasi satu [1] ayat relatif berkepala dan satu [1] ayat relatif tak berkepala.
 - [c] Apakah hirarki kebolehaksesan Keenen?
- [20 markah]
5. Jawab [a] dan [b]:
- [a] Apakah ciri-ciri subjek dalam bahasa Melayu?
 - [b] Jika ada, tunjukkan 2 fenomena ayat yang tidak bersubjek dalam bahasa Melayu dan berikan derivasinya.
- [20 markah]
6. Jawab [a] dan [b]:
- [a] Berikan satu [1] contoh bagi setiap satu yang berikut:
 - [i] ayat berkomplemen frasa nama subjek,
 - [ii] ayat berkomplemen frasa nama objek,
 - [iii] ayat berketerangan
 - [b] Beri derivasi ayat berikut:
 - [i] Hujan sedang lebat turun membanjiri USM.
 - [ii] Kelihatan kucing itu sedang hamil.
 - [iii] Agaknya perutnya sangat sakit.
- [20 markah]